

129

NO SOALAN : 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 29.03.18  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan memberi komitmen bahawa Akaun Tabung ATM akan dipinda bagi memastikan warga ATM apabila bersara akan dibayar penuh Tabung Lembaga ATM mereka apabila bersara bukan bayaran 10% yang diamalkan sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pencarum Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang bersara dan bertaraf pencen akan dibayar wang simpanannya sebanyak 10% termasuk dividen dan bonus yang terkumpul secara sekali gus. Pesara ini juga akan mendapat bayaran pencen bulanan dari pihak kerajaan. LTAT adalah tertakluk kepada Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101).